121(1A) Perlembagaan Persekutuan sendiri cuba menjelaskan pengasingan bidangkuasa kedua-dua sistem Mahkamah ini. Ia mesti dipatuhi.

Atas alasan ini saya tidak membuat apa-apa perisytiharan mengenai prayer kedua.

Berkenaan prayer ketiga, kesannya adalah sama dengan prayer kedua. Atas alasan yang sama saya juga tidak membuat apa-apa perintah mengenainya.

Saya serahkan kepada Jawatankuasa Rayuan untuk menimbang samada hendak membuat ulangkaji (revision) ke atas perintah Mahkamah Kadi berkenaan, di bawah s. 42 Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam, 1959 itu. Nampaknya, itulah satu-satunya cara yang ada untuk mengatasi masalah yang berbangkit daripada perintah yang dibuat oleh Kadi, Bukit Mertajam itu. Plaintif tidak boleh merayu kepada Jawatankuasa Rayuan kerana dia bukan beragama Islam dan Jawatankuasa itu juga tidak mempunyai bidangkuasa ke atas orang-orang bukan Islam. Lagi pula tempoh untuk membuat rayuan telah luput.

Berkenaan prayer keempat, sebenarnya s. 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 tidak mensyaratkan bahawa plaintif perlu mendapat kebenaran (leave) untuk membuat permohonan di bawah seksyen itu. Maka soal kebenaran Mahkamah ini yang dipohon itu tidak timbul dan tiada perintah dibuat mengenainya.

Berkenaan prayer kelima, persoalan ini tidak dihujahkan oleh kedua-dua pihak. Oleh sebab itu, dan memandangkan kepada jawapan saya kepada prayer pertama, saya juga tidak membuat apa-apa perintah mengenainya.

Kesimpulannya, saya mengisytiharkan bahawa Mahkamah Kadi Daerah, Bukit Mertajam tidak mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah yang dibuatnya pada 21 Mei 1991. Kos permohonan ini kepada plaintif.

PENDAKWA RAYA

lwn.

MUSTAFA BIN YOP SAMSUDIN & 3 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, IPOH
DATO' HJ. ABDUL MALEK BIN HJ. AHMAD H.
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 58-4-87]
10 JANUARI 1992

DADAH BERBAHAYA: Polis menggunakan penyamar sulit dan sumber - Pertuduhan mengedar dengan niat yang sama - Sama ada dapat dibuktikan - Kes pendakwa berdasar atas keterangan penyamar sulit - Sama ada boleh diterima - Pembelaan - Sama ada membangkitkan keraguan yang munasabah.

Keempat-empat Yang Kena Tuduh (YKT) dipertuduhkan dibawah peruntukan s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Kes pendakwa bergantung sebahagian besarnya keatas keterangan penyamar sulit yang telah berlagak sebagai pembeli dadah kepada YKT melalui sumber.

Pada penghujung kes pendakwa YKT1, YKT2 dan YKT3 dipanggil untuk membuat pembelaan keatas pertuduhan dan YKT4 dibebaskan dan dilepaskan dari pertuduhan tanpa dipanggil pembelaannya kerana didapati tidak ada kes *prima facie* terhadapnya.

YKT1 mengatakan yang beliau tidak tahu tentang rancangan YKT2 dan YKT3 untuk pergi mengambil dadah tersebut selepas sampai ke Pokok Assam dan beliau menafikan yang dia ada membuat perjanjian dengan penyamar sulit untuk membekalkan dadah.

YKT2 pula menyatakan bahawa ia telah pergi ke Taiping atas ajakan suaminya, YKT3, untuk membeli baju panas anak dan dia menafikan yang dia ada beritahu penyamar sulit bahawa barang ada dalam van berisi dalam beg. YKT3 pula menafikan yang dia ada beritahu penyamar sulit bahawa ada dua kati dan menyatakan bahawa dia telah pergi ke Pokok Assam untuk membeli baju panas anaknya kerana akan bawa keluarganya ke Johor menaiki keretapi.

Diputuskan:

[1] SP5 adalah penyamar sulit khususnya untuk kes ini dan bukan untuk YKT1 sahaja dan apa dikatakan kepadanya oleh sesiapapun yang

kemudiannya dipertuduhkan untuk kesalahan berkenaan boleh diterima sebagai keterangan.

[2] Sumber berhak diberi perlindungan kerana walaupun beliau hadir di semua perjumpaan dia tidak mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan.

[3] Pembelaan YKT1 dan YKT3 tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah tentang kes yang telah dibuktikan oleh pendakwa. Pembelaan mereka adalah tidak benar, tidak munasabah dan tidak barangkali.

[4] Pembelaan YKT2 telah menimbulkan keraguan munasabah dan faedah keraguan tersebut mesti diberikan kepada beliau.

[YKT1 dan YKT3 disabitkan dan dihukum mati YKT2 dibebaskan dan dilepaskan. YKT4 dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil pembelaannya].

Kes-kes yang disenaraikan dihujung penghakiman sebagai kes-kes yang dirujuk:

Kalimuthu lwn. Pendakwa Raya [1955] 21 MJ 187 ***(foll)***
Subramaniam lwn. Pendakwa Raya [1956] 22 MLJ 220
Husdi lwn. Pendakwa Raya [1980] 2 MLJ 80
Lim Beh lwn. Opium Farmer [1842] 3 Ky. Rpts 110
Pendakwa Raya lwn. Tan Kim Kang & Lain-lain [1962] 28 MLJ 388
Hee Yoke Fook lwn. Pendakwa Raya [1988] 1 SCR 394
Sia Soon Suan lwn. Pendakwa Raya [1966] 1 MLJ 116
Krishnan lwn. Pendakwa Raya [1987] CLJ 28/ [1987] 1 MLJ 292
*Munusamy lwn. Pendakwa Raya [1987] CLJ 250/ [1987] 1 MLJ 492 (**foll**)*
Peter Fernandez lwn. Pendakwa Raya [Rujukan Jenayah Mahkamah Agung 06-1-89]
Pendakwa Raya lwn. Chin Yoke [1940] MLJ Rep. 37
Zahari bin Yeop Baai & Seorang lagi lwn. Pendakwa Raya [1980] 1 MLJ 160
Pendakwa Raya lwn. Saimin & Lain-lain [1971] 2 MLJ 16
Pendakwa Raya lwn. Saad bin Othman [Perbicaraan Jenayah Perak 58-8-86]
Pendakwa Raya lwn. Neoh Seow Aun [Perbicaraan Jenayah Perak 12/83]
Pendakwa Raya lwn. Paneerselvan a/l Krishnan & 2 Orang Ln. [1990] 2 CLJ 833
Rattan Singh lwn. Pendakwa Raya [1971] 1 MLJ 162
Pendakwa Raya lwn. Gurbachan Singh [1964] 30 MLJ 141
Brannan lwn. Peek [1948] 1 KB 68
Syed Ali bin Syed Abdul Hamid & Seorang lagi lwn. Pendakwa Raya [1982] 1 CLJ 188/[1982] 1 MLJ 132

Pendakwa Raya lwn. Ismail bin Alias & Seorang lagi [Perbicaraan Jenayah Perak 16/84]
Leow Nghee Lim lwn. Reg. [1956] 22 MLJ 28
Pendakwa Raya lwn. Zakariah bin Mohd Yassin [1988] 1 CLJ 98
Pendakwa Raya lwn. Low Aik Boon [1990] 1 CLJ 977
Mohamed Mokhtar lwn. Pendakwa Raya [1972] 1 MLJ 122
Pendakwa Raya lwn. Toh Ah Moi & Seorang lagi [1990] 2 CLJ 580
Pendakwa Raya lwn. Tan Ngak Phiew [1990] 2 CLJ 843
Pendakwa Raya lwn. Lai Ah Bee [1974] 2 MLJ 74
Pendakwa Raya lwn. Khoo Boo Hock & Seorang lagi [1990] 1 CLJ 971
Pendakwa Raya lwn. Lim Ah Bek [p] [1989] 2 CLJ 1090
Pendakwa Raya lwn. Lim Eng Chye [1978] 1 MLJ 200
Mahbub Shah lwn. Emperor [1945] AIR 118
Chang Kim Siong lwn. Pendakwa Raya [1968] 1 MLJ 36
Dato Mokhtar bin Hashim & Seorang lagi lwn. Pendakwa Raya [1983] 2 CLJ 10/[1983] 2 MLJ 232
Tan Ser Juay lwn. Pendakwa Raya [1972] 1 MLJ 6
Pritam Singh lwn. Pendakwa Raya [1970] 2 MLJ 239
Pendakwa Raya lwn. Tan Ah Ling [1990] 2 CLJ 83
Harchand Singh lwn. State of Haryana [1974] AIR 344
Tan Chai Keh lwn. Pendakwa Raya [1948-1949] MLJ Supp. 105
Samsudin lwn. Pendakwa Raya [1962] 28 MLJ 405
Pendakwa Raya lwn. Yap Hai Ling [1990] 1 CLJ 983
Nachimuthu Goundan [1947] Mad. 425
Pendakwa Raya lwn. Rosyatimah bte Neza & Seorang lagi [1989] 1 CLJ 481/[1989] 1 MLJ 360
Pendakwa Raya lwn. Neoh Wan Kee [1985] 1 MLJ 368
R lwn. Bickley [1909] 2 Cr. App. R 53
R lwn. Heuser [1911] 6 Cr. App. R 76
Pendakwa Raya lwn. Padi bin Abdullah [1989] 1 CLJ 816/[1989] 2 MLJ 60
Sathasivam & Lain-lain lwn. Pendakwa Raya [1989] 1 CLJ 816
R lwn. Sang [1979] 2 All ER 1222
Bhondu Das [1928] 7 Pet. 758
Sheo Ram lwn. Emperor [1948] Allahabad 34
Dhansai lwn. State [1969] AIR Orissa 105
Phon Nam lwn. Pendakwa Raya [1991] 2 CLJ 1467/ [1991] 2 MLJ 550
Pendakwa Raya lwn. Phon Nam [1988] 3 MLJ 415
Ramli bin Kechik lwn. Pendakwa Raya [1986] 1 CLJ 308/[1986] 2 MLJ 33
Pendakwa Raya lwn. Needi a/l Krishnan [Perbicaraan Jenayah Perak 58-1-86]
Pendakwa Raya lwn. Chan Ong Wan [Perbicaraan Jenayah Pulau Pinang 47 [58]-18-88]

Akta yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 39B(1)(a), 39B(2), 40A(2)
Kanun Keseksaan s. 34

Bagi pihak pendakwa raya - Su Geok Yiam
Bagi pihak Yang Kena Tuduh 1 - Gurbachan Singh; T/n. Bachan & Kartar
Bagi pihak Yang Kena Tuduh 2 - Ranjit Singh Dhillon; T/n. R. Rajasingam & Co.
Bagi pihak Yang Kena Tuduh 3 - S. Muthuveeran; T/n. S. Muthu & Co.
Bagi pihak Yang Kena Tuduh 4 - Harpal Singh; T/n. Harpal Singh & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Abdul Malek Bin Hj. Ahmad H:
Keempat-empat yang kena tuduh telah dipertuduhkan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 21 Mac 1987 lebih kurang pukul 0820 jam di persimpangan Jalan Menteri/Jalan Aun Chuan, Pokok Asam, Taiping di dalam daerah Larut dan Matang, dalam Negeri Perak, bagi pihak kamu sendiri telah mengedar dadah berbahaya, iaitu, dua bungkus 'cannabis' seberat 1147.6 gram dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya [Undang-Undang Malaysia Akta 234] dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Di akhir kes pendakwa tetapi sebelum hujah-hujah dikemukakan, pihak pendakwa telah memohon meminda pertuduhan untuk memasukkan "dengan niat yang sama" selepas "sendiri" dan "di baca bersama dengan s. 34 Kanun Keseksaan" selepas "234" dan sungguh pun semua Peguam yang terlibat telah membantah, Mahkamah telah membenarkan permohonan tersebut berdasarkan amalan bahawa pertuduhan boleh dipinda pada bila-bila masa sahaja sebelum keputusan bersyarat bahawa saksi-saksi boleh dipanggil semula jika perlu akibat dari pindaan tersebut. Dalam kes ini, tiada pihak yang ingin memanggil semula mana-mana saksi selepas pertuduhan dipinda. Juga, Mahkamah berpendapat izin yang baru tidak perlu kerana pendakwaan diasaskan atas fakta-fakta yang serupa sebelum dan selepas pindaan pertuduhan.

Kes pendakwa bergantung pada sebahagian besarnya ke atas keterangan SP5 yang telah bertindak sebagai "agent provocateur" atau penyamar sulit yang telah berlagak sebagai pembeli dadah kepada Yang Kena Tuduh 1 melalui sumber. Bersama dengan sumber dan rakan sejawat SP5 iaitu Rais, yang tidak dipanggil sebagai saksi pendakwa tetapi ditawar kepada pembela dan yang dikenali sebagai "Zul" dalam semua perbincangan, SP5 telah menyatakan dalam testimoninya bahawa pertama kali beliau berjumpa dengan Yang Kena Tuduh 1 ialah pada 9 Mac 1987 jam 5 petang.

Di pertemuan ini, sumber telah hanya mengenalkan beliau kepada Yang Kena Tuduh 1 dan sumber tidak langsung mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan. Telah dipersetujui di pertemuan tersebut bahawa SP5 akan membeli dan Yang Kena Tuduh 1 akan membekalkan dua kati ganja di tarikh terkemudian. Pertemuan yang kedua ialah pada 13 Mac 1987 juga bersama sumber di tepi jalan dekat kawasan air telaga panas apabila SP5 dan Rais diberitahu bekalan masih belum sampai.

Pada 19 Mac 1987, SP5 telah berjumpa sumber di Medan Kidd, Ipoh dan mereka telah menjemput Yang Kena Tuduh 1 dari setesyen keretapi Ipoh, bermakan malam di Restoran Seri Tanjung dan berbincang mengenai pembelian yang dirancangkan di Victoria Park. Di ketika ini, Yang Kena Tuduh 1 telah memberitahu SP5 bahawa bekalan telah sedia. Mereka telah berjanji bertemu semula pada 12 tengahari 20 Mac 1987 di air terjun Ulu Kenas kerana SP5 telah memberitahu Yang Kena Tuduh 1 bahawa beliau tidak dapat mengambil dadah tersebut pada masa itu kerana tidak ada wangnya.

Seperti dijanji, Yang Kena Tuduh 1 tidak hadir di setesyen bas Kuala Kangsar pada esoknya dan SP5 telah menunggu di situ sementara Rais dan seorang rakan lain Selvarajah pergi mencari Yang Kena Tuduh 1. Ketiga-tiga mereka iaitu Rais, Selvarajah dan Yang Kena Tuduh 1 telah datang ke stesyen bas Kuala Kangsar dimana Yang Kena Tuduh 1 telah memberitahu SP5, Rais dan Selvarajah untuk datang hari esoknya sebelum matahari terbit untuk mendapat bekalan dadah. Yang Kena Tuduh 1 telah menjelaskan bahawa beliau tidak dapat membekalkan dadah pada hari itu kerana dadah tersebut ada di Taiping dan bukan di Manong.

Pada 21 Mac 1987 jam 6 pagi, SP5 bersama Rais dan dua rakan mereka yang bertindak sebagai agen pengintip polis iaitu Selvarajah dan Rokiah di dalam van mereka telah menjemput Yang Kena Tuduh 1 dirumahnya dan mereka telah selepas itu pergi menjemput Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 pula di rumah mereka sebelum berlepas ke Pokok Assam, Taiping. Di sana, van telah diletak di tepi jalan sementara Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 telah berlepas menaiki teksi dan telah kembali lebih kurang dua

puluh minit kemudian dan, mengikut keterangan saksi-saksi pendakwa, Yang Kena Tuduh 2 telah menyatakan bahawa barang ada berisi dalam beg dalam van dan Yang Kena Tuduh 3 telah menyatakan bahawa ada dua kati. Semasa mereka bertujuh sedang menuju ke van, SP5 telah memeriksa beg dalam van dan telah memberi isyarat kepada tidak kurang dari dua belas pegawai pengintip polis yang lain yang menunggu di kawasan itu untuk menangkap Yang Kena Tuduh 1, Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3.

Adalah relevan untuk dinyatakan di sini bahawa selain dari SP5 sendiri, SP13 juga telah nampak Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 berlepas menaiki teksi WA 2590 dan telah pun mengekorinya tetapi telah hilang pandangan Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 selepas Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 turun teksi, semasa beliau melanjutkan perjalanannya sejauh seratus ela sebelum berpatah balik untuk mengelakkan disedari perkara pengekoran itu oleh Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3. SP13 juga telah memberitahu Mahkamah bahawa beliau telah nampak Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 pulang ke Pokok Assam dan Yang Kena Tuduh 2 meletakkan beg dalam van. Keterangan beliau disambut dengan bantahan dari semua Peguam oleh kerana tiada pegawai polis yang lain telah memberi keterangan mengenai perkara ini atau mengenai SP13 memberitahu mereka mengenai perkara ini. Tambah pula SP13 sendiri, sebagai saksi terakhir pendakwa pada hari perbicaraan yang keenam, telah mengaku dalam Mahkamah bahawa beliau sebenarnya tidak mencatitkan perkara ini dalam diari poketnya dan tidak memberitahu sesiapa mengenainya sungguh pun ianya perkara mustahak. Semua Peguam juga telah memohon keterangan beliau dihapuskan tapi Mahkamah berpendapat ini bukanlah situasi di mana pencabaran keterangan patut dibenarkan oleh kerana SP13 sendiri telah mengaku bahawa beliau memang tidak memberitahu sesiapa. Ini bukanlah keadaan di mana SP13 telah bercakap lain di masa yang berlainan.

Berikutan daripada itu, selepas mengkaji keterangan saksi-saksi pendakwa secara keseluruhan, dan selepas melihat dan mendengar SP13, saya tiada sebab untuk menolak keterangannya mengenai aspek ini sungguh pun beliau tidak mencatitkannya dalam percakapannya. Lagi pun, keterangan SP10 ialah

a SP13 telah memberitahu beliau barang ada dalam van dan SP10 telah mempastikan perkara itu dengan pergi melihat sendiri dalam van. Juga SP5 telah memberi keterangan mengenai Yang Kena Tuduh 2 memberitahunya barang ada dalam van berisi dalam beg. Ini hanya menguatkan keterangan SP13 bahawa Yang Kena Tuduh 2 dan

b Yang Kena Tuduh 3 telah pun pulang ke Pokok Assam dan meletakkan beg ke dalam van.

Tentang Yang Kena Tuduh 4, keterangan pendakwa terhadap beliau ialah pasukan polis dengan bantuan Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Tuduh 3 telah menggeledah rumah kedai

c runcitnya lebih kurang satu jam kemudian dan telah berjumpa 2.11 geram kanabis dalam surat-surat khabar yang berlipat di bawah tilam katilnya. Kaitan yang melibatkan Yang Kena Tuduh 4 ialah surat-surat khabar tersebut mempunyai tarikh yang sama dengan, dan muka-muka surat yang

d tertinggal dari, surat-surat khabar yang digunakan untuk membungkus 1147.6 geram kanabis yang dijumpai dalam beg dalam van yang baginya keempat-empat Yang Kena Tuduh telah dipertuduhkan untuk mengedar.

Mengenai analisa kimia dadah dalam pertuduhan,

e Mahkamah tidak mempunyai apa-apa sebab untuk menolak keterangan ahli kimia yang adalah seorang yang mempunyai pengalaman dan kedudukan. Beliau telah memberi penjelasan yang terperinci bagaimana beliau telah sampai ke kesimpulannya. Pendapat beliau ialah barang yang dianalisakan ialah kanabis seperti ditakrif

f dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 [kemudian "Akta"]. Mahkamah juga tidak mempunyai apa-apa keraguan sama ada dadah dijumpai dalam van adalah sama seperti yang dikemukakan dalam Mahkamah oleh kerana ketua pasukan polis yang menggeledah [SP6] telah memberitahu

g Mahkamah bahawa selepas mendapat eksibit dalam van, beliau telah meninggalkan beg yang mengandungi daun-daun kering yang disyaki kanabis dengan SP11 di balai polis semasa beliau [SP6] pergi menggeledah di rumah kedai runcit Yang Kena Tuduh 4. Seterusnya, sekembalinya ke balai polis, beliau telah mengambil balik dadah

h tersebut dan menyerahkannya kepada Pegawai Penyiasat [SP1] yang setelah menyimpannya secara berkunci telah menghantarkannya ke ahli kimia untuk analisa. Selepas diterima balik dari ahli kimia pada 13 April 1987, beliau telah pada 15 April 1987 menyerahkannya kepada penyelia setor [SP7] yang telah menyimpannya secara

i berkunci sehinggalah tarikh bicara yang pertama pada 7 Januari 1991.

Semasa jurugambar [SP2] memberi keterangan, Peguam-peguam telah meminta supaya Timbalan Pendakwa Raya tidak dibenarkan meneruskan bertindak sebagai pendakwa dalam kes ini atas dasar beliau telah mengajar saksi tersebut mengenai keterangannya. Juga, mereka membantah mengenai kemasukkan gambar-gambar baru semasa soal semula. Selepas mendengar hujah-hujah, Mahkamah telah memutuskan seperti berikut:

> Ada dua perkara yang dibangkitkan. Pertama ialah mengenai pengecualian Puan Su sebagai Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan kes ini kerana keterangan SP2 menyatakan bahawa beliau telah sampai di Mahkamah jam 2.30 petang semalam dan oleh kerana Mahkamah tidak bersidang beliau telah pergi ke pejabat Puan Su dan telah diarah memotong dan menampal balik negatif-negatif P13A-K. Beliau juga telah menyatakan bahawa beliau tidak begitu ingat apa yang berlaku pada tarikh gambar-gambar ditangkap dan telah dipandu ingatannya dari P13A-K. Puan Su telah menjelaskan bahawa pemotongan dan penampalan balik adalah dengan tujuan mengikut susunan gambar-gambar yang telah dikemukakan. Dalam hal ini, oleh kerana saksi jurugambar adalah saksi formal, Mahkamah menerima penjelasan ini dan berpendapat setelah merujuk kepada otoriti yang dikemukakan iaitu *Kalimuthu lwn. Pendakwa Raya* [1955] 21 MLJ 187 tiada sebab mana-mana Peguam Yang Kena Tuduh untuk tidak membenarkan Puan Su diteruskan sebagai Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan kes ini. Mengenai perkara kedua, Puan Su telah bermohon mengemukakan lapan gambar dalam soal semula akibat dari pihak pembela mengemukakan dua belas negatif lain melalui SP2. Oleh kerana soal semula ini berbangkit dari soal balas, Mahkamah berpendapat bahawa tiada sebab untuk tidak dibenarkan sungguh pun Peguam Yang Kena Tuduh telah membantah sebelum ditunjukkan dahulu kepada Peguam. Nilai lapan gambar lain terhadap kes ini akan ditaksirkan sewajarnya oleh Mahkamah.

Di penghujung kes pendakwa, keterangan terhadap keempat-empat Yang Kena Tuduh adalah seperti berikut:

(a) mengenai Yang Kena Tuduh 1, beliau telah menyertai dalam beberapa perbincangan dengan SP5 untuk membekalkan kanabis dan sedang menunggu bersama keempat-empat agen pengintip polis di kedai kopi di Pokok Assam pada 21 Mac 1987 selepas mereka sampai di sana bersama Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 yang beliau telah mengarahkan agen pegintip polis menjemput dalam perjalanan;

(b) mengenai Yang Kena Tuduh 2, beliau bersama Yang Kena Tuduh 3 telah pergi bersama Yang Kena Tuduh 1 dan keempat-empat agen pengintip polis pada 21 Mac 1987 dan telah dilihat menaiki teksi bersama Yang Kena Tuduh 3 selepas van diletak, telah dilihat balik dua puluh minit kemudian membimbit beg dan meletakkanya dalam van dan selepas itu telah memberitahu SP5 bahawa barang ada dalam van berisi dalam beg;

(c) mengenai Yang Kena Tuduh 3, beliau telah menaiki van dengan Yang Kena Tuduh 1 dan Yang Kena Tuduh 2 dan keempat-empat agen pengintip polis pada 21 Mac 1987 dan telah dilihat meninggalkan Pokok Assam menaiki teksi bersama Yang Kena Tuduh 2 dan telah pulang dua puluh minit kemudian bersamanya dan mengiringi Yang Kena Tuduh 2 meletakkan beg dalam van dan selepas itu telah memberitahu SP5 bahawa ada dua kati;

(d) mengenai Yang Kena Tuduh 4, 2.11 geram kanabis dijumpai dalam surat-surat khabar terlipat di bawah tilam di atas katilnya di rumah kedai runcitnya lebih kurang satu jam selepas kanabis dalam van diperolehi pada 21 Mac 1987 dan bahawa beliau adalah penghuni rumah kedai runcit berkenaan dan juga pemunya kereta Honda Civic.

Banyak telah diperkatakan oleh ketiga-tiga Peguam yang bijaksana mengenai keterangan yang tidak boleh diterima mengenai apa yang telah dikatakan oleh Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 kepada SP5 sekembalinya mereka ke kedai kopi di Pokok Assam kerana Peguam-peguam berpendapat SP5 hanyalah penyamar sulit untuk Yang Kena Tuduh 1 sahaja dan bukan untuk Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3. Pendapat Mahkamah ialah SP5 adalah penyamar sulit khususnya untuk kes ini dan apa dikatakan kepadanya oleh sesiapa pun yang kemudiannya dipertuduhkan untuk kesalahan berkenaan boleh diterima di bawah s. 40A(2) Akta.

Banyak juga telah diperkatakan mengenai sumber tidak boleh berlindung di bawah perlindungan yang diberi kepada sumber-sumber di bawah s. 40

Akta kerana beliau hadir di semua perjumpaan antara SP5 dan Yang Kena Tuduh 1 akan tetapi oleh kerana sumber telah bertindak hanya sebagai orang yang mengenalkan mereka sahaja pada 9 Mac 1987 sungguh pun beliau hadir di pertemuan-pertemuan selepas itu, seperti diputuskan dalam *Munusamy lwn Pendakwa Raya* [1987] 1 MLJ 492, Mahkamah tidak dapati apa-apa sebab bagi menghendakkan identiti beliau dinyatakan dalam Mahkamah, sungguh pun mungkin diketahui oleh semua Yang Kena Tuduh, atau pun bagi menganggapkan sumber tersebut sebagai rakan sejenayah. Kepada Mahkamah, sumber berkenaan hanya tinggal sebagai sumber dalam keadaan demikian.

Seterusnya, Mahkamah berpendapat bahawa oleh kerana Yang Kena Tuduh 1 telah menyertai secara aktif sungguh pun secara tidak langsung dalam penjualan, penyampaian, penyerahan dan pembekalan dadah sungguh pun bukan beliau yang membawa dadah tersebut ke van dan tidak langsung memiliki dadah berkenaan, dan oleh kerana Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 telah meninggalkan van di Pokok Assam untuk mendapatkan beg mengandungi dadah dan telah pulang dua puluh minit kemudian dengan beg tersebut dan telah masing-masing memberitahu SP5 bahawa barang ada dalam beg dalam van dan ianya sebanyak dua kati, yang hanya menimbulkan anggapan milikan kerana mereka mempunyai jagaan dan kawalan, Mahkamah berpendapat bahawa pihak pendakwa telah membuktikan kes *prima facie* terhadap Yang Kena Tuduh 1, Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 atas pertuduhan yang jika tidak disangkal akan mengakibatkan sabitan terhadap mereka. Walau bagaiman pun, terhadap Yang Kena Tuduh 4, oleh kerana 2.11 geram kanabis yang dijumpai di rumah kedai runcitnya tidak boleh secara muktamad bermakna bahawa ianya baki dari dadah yang dijumpai dalam beg dalam van sungguh pun muka-muka surat khabar berkenaan terjumlah dari segi muka surat, dan juga oleh kerana tiada bukti yang Yang Kena Tuduh 4-lah yang telah memberi beg kepada Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3, pendapat Mahkamah adalah bahawa pihak pendakwa telah tidak dapat membuktikan kes *prima facie* terhadapnya di atas pertuduhan. Oleh itu, pembelaan dipanggil terhadap Yang Kena Tuduh 1, Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 sahaja dan Yang Kena Tuduh 4 dibebaskan dan dilepaskan dari pertuduhan tersebut di ketika itu tanpa dipanggil pembelaannya. Niat bersama Yang Kena Tuduh 1, Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 bolehlah disimpulkan dari susunan peristiwa yang telah berlaku dari 9 Mac 1987 hinggalah ke pagi itu dengan keempat-empat agen pengintip polis menjemput mula-mulanya Yang Kena Tuduh 1 dan selepas itu menjemput Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 pula dan seterusnya Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 telah pergi mengambil dadah dan memberitahu SP5 mengenai misi yang telah selesai.

Perlu dikatakan di sini bahawa sungguh pun pembelaan telah dipanggil pada 8 Februari 1991, kes terpaksa ditunda beberapa kali hingga ke bulan Disember 1991 kerana Peguam asal Yang Kena Tuduh 1 dan Yang Kena Tuduh 3 telah pun menarik diri selepas pembelaan dipanggil dan kedua-dua Yang Kena Tuduh 1 dan 3 telah memohon penangguhan untuk melantik Peguam yang sama semula. Setelah Mahkamah melantik Peguam lain, Yang Kena Tuduh 1 telah dapat khidmat Peguam asal semula dan akhirnya hanya Yang Kena Tuduh 3 menggunakan khidmat Peguam yang telah di lantik oleh Mahkamah.

Ketiga-tiga Yang Kena Tuduh telah memilih memberi keterangan bersumpah dan mengenai peristiwa perjalanan dalam van pada 21 Mac 1987 dari Manong ke Pokok Assam bolehlah dikatakan cerita ketiga-tiga Yang Kena Tuduh adalah serupa dengan cerita pendakwa iaitu keempat-empat anggota polis yakni SP5, Rais, Selvarajah dan Rokiah telah datang dalam van untuk menjemput Yang Kena Tuduh 1 di rumahnya dan selepas itu mereka telah menjemput pula Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Keana Tuduh 3 di rumah mereka sebelum berlepas ke Pokok Assam di mana Yang Kena Tuduh 1 dan empat anggota polis tersebut telah pergi ke kedai kopi manakala Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 pula, selepas dapati kedai ubat masih tutup, telah berlepas menaiki teksi ke Kg. Birch sebelum balik ke Pokok Assam. Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 juga tidak nafi mengangkat beg dari kereta Yang Kena Tuduh 4 dan Yang Kena Tuduh 2 telah membimbitnya dari kereta ke van untuk diletak atas lantai van. Selepas itu Yang Kena Tuduh 2 telah pergi memilih pakaian sementara Yang Kena Tuduh 3 telah pergi menemui Yang Kena Tuduh 1 dan empat orang anggota polis di kedai kopi.

Yang dinafikan oleh Yang Kena Tuduh 1 khususnya mengenai peristiwa hari itu ialah beliau tidak

tahu menahu tentang rancangan Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 untuk pergi mengambil beg tersebut selepas sampai ke Pokok Assam. Yang Kena Tuduh 2 dan Yang Kena Tuduh 3 pula telah menafikan fakta bahawa mereka berdua telah balik ke kedai kopi dan Yang Kena Tuduh 2 telah menyatakan barang ada dalam van berisi dalam beg sementara Yang Kena Tuduh 3 telah menyatakan ada dua kati. Ketiga-tiga Yang Kena Tuduh juga menafikan bahawa mereka ditangkap selepas SP5 telah masuk dalam van untuk memeriksa isi kandungannya dan menyarankan bahawa mereka ditangkap sejurus sebelum sampai ke van semasa mereka berjalan balik dengan empat orang anggota polis yang berkenaan.

Tentang kejadian sebelum tarikh 21 Mac 1987, Yang Kena Tuduh 1 tidak menafikan tentang perjumpaanya dengan SP5 dan Rais bersama Johari pada tarikh-tarikh yang dikatakan oleh pendakwa tapi menafikan bahawa mereka telah berjumpa buat pertama kali pada 9 Mac 1987. Cerita Yang Kena Tuduh 1 ialah pertemuan pertama kali ialah pada 13 Mac 1987 semasa Johari telah menaiki teksi ke Hospital Besar Ipoh bersama beliau, isteri beliau dan dua orang anak mereka termasuk Musli yang memerlukan rawatan perubatan untuk lemah jantung dan selepas mereka berada di Hospital Besar, Johari telah datang semula berjumpa mereka bersama SP5 dan Rais. Sungguh pun keterangan ini disokong oleh isteri Yang Kena Tuduh 1 dan penyimpan rekod Hospital Besar Ipoh, ianya pada Mahkamah tidak bermakna tiada perjumpaan pada 9 Mac 1987 diantara SP5, Rais, sumber dan Yang Kena Tuduh 1.

Mahkamah telah meneliti pembelaan Yang Kena Tuduh 1 sewajarnya dan berpendapat bahawa ianya tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah tentang kes yang telah dibuktikan oleh pendakwa. Tanpa penafian tentang beberapa perjumpaan dengan SP5 dan Rais sebelum 21 Mac 1987 melainkan penafian tentang bahan perbualan mengenai rancangan membekalkan dadah kepada SP5, Yang Kena Tuduh 1 telah tidak menjelaskan mengapa perlu beliau mengiringi keempat-empat anggota polis ke Pokok Assam pada subuh pagi 21 Mac 1987 dan menunggu di kedai kopi bersama mereka. Benar beliau telah menyatakan Johari yang suruh buat demikian tetapi mengapa mesti dipatuhi arahan Johari dalam keadaan demikian? Tomahan ini perlu dipertimbangkan dengan kes pendakwa yang sudah pun mengaku bahawa Johari adalah sumber tapi tidak terlibat dengan rancangan antara SP5 dan Yang Kena Tuduh 1 untuk pembekalan ganja.

Mengenai Yang Kena Tuduh 3 pula, beliau bukanlah orang asing kepada Yang Kena Tuduh 1 kerana telah berkahwin dengan sepupu Yang Kena Tuduh 1. Pada kebetulannya, Yang Kena Tuduh 3 juga kenal Johari dan pada kebetulannya juga Yang Kena Tuduh 3 telah jumpa Johari pada 20 Mac 1987 jam 6.30 petang di mana dari perbualan mereka di kedai kopi, Yang Kena Tuduh 3 telah dibenarkan menumpang dalam kenderaan yang akan membawa Yang Kena Tuduh 1 ke Pokok Assam pagi besoknya. Tujuan Yang Kena Tuduh 3 ke Pokok Assam ialah, katanya, untuk membeli baju panas anaknya kerana akan bawa keluarganya ke Johor menaiki keretapi pada malam 21 Mac 1987.

Cerita ini mesti dipertimbangkan dalam konteks perjumpaan secara kebetulan antara Johari dan Yang Kena Tuduh 3 pada 20 Mac 1987. Yang Kena Tuduh 3 kata dia hendak tumpang supaya dapat ke Taiping percuma dan oleh itu menjimat tambang. Ini bermaksud bahawa jika beliau tidak jumpa Johari, beliau tidak akan ke Taiping langsung dan tidak akan membeli baju panas untuk anaknya ke Johor. Mengapa pula perlu untuk Johari membawa Yang Kena Tuduh 3 ke rumah Yang Kena Tuduh 1 untuk memberitahu Yang Kena Tuduh 1 bahawa Yang Kena Tuduh 3 hendak menumpang kereta? Tentu sekali Yang Kena Tuduh 3 boleh pergi bercakap sendiri kerana Yang Kena Tuduh 1 adalah sepupu isterinya. Tujuan Yang Kena Tuduh 3 jelas untuk menunjukkan bahawa Johari-lah yang telah mengaturkan pemergiannya ke Taiping dan ini juga selaras dengan cerita Yang Kena Tuduh 1 bahawa Johari-lah yang mengaturkan segalanya. Jika demikian, dan tujuan Johari ialah untuk mendapatkan bekalan dadah melalui Yang Kena Tuduh 1 pada mulanya, mengapa digunakan Yang Kena Tuduh 3 untuk mengambilnya kerana Yang Kena Tuduh 1 sendiri boleh mengambilnya dari Yang Kena Tuduh 4? Tapi tidak dinafikan oleh semua pihak Yang Kena Tuduh bahawa Yang Kena Tuduh 1 tidak mengenali Yang Kena Tuduh 4 langsung walhal Yang Kena Tuduh 3 mengenalinya kerana telah pergi ke rumah kedai runcit Yang Kena Tuduh 4 bersama Johari beberapa kali. Dengan ini menunjukkan bahawa dakwaan Yang Kena Tuduh 3 bahawa beliau hendak ke Taiping untuk dapat tambang percuma untuk tujuan membeli baju panas anaknya adalah

satu pembelaan yang tidak benar, tidak munasabah dan tidak berbarangkali. Tambah pula, semasa sampai ke Pokok Assam beliau dan Yang Kena Tuduh 2 tidak terus pergi membeli baju panas malah sehingga ditangkap satu jam dua puluh minit kemudian masih belum membeli baju panas tersebut tetapi beliau telah memberi keutamaan untuk mengambil beg tersebut dari Yang Kena Tuduh 4 kononnya bagi pihak Johari. Perlu diambil kira bahawa Yang Kena Tuduh 3 tidak sebut dalam keterangan asalnya bahawa Johari telah menyuruhnya mengambil beg dari Yang Kena Tuduh 4 sebagai sebab pergi ke Taiping dalam perjumpaan mereka pada 20 Mac 1987 dan keputusan pergi ke Taiping hanyalah atas dasar Yang Kena Tuduh 3 akan dapat perjalanan percuma ke Taiping untuk membeli baju panas anaknya.

Setelah menimbang pembelaan Yang Kena Tuduh 3, Mahkamah tiada waswas tentang kes pendakwa terhadap beliau kerana adalah tidak munasabah dan barangkali bagi Yang Kena Tuduh 3 yang tujuannya ke Pokok Assam untuk membeli baju panas anak telah hanya bercadang berbuat demikian selepas berjumpa dengan Johari secara kebetulan pada petang 20 Mac 1987 tetapi setelah sampai di sana tidak berbuat demikian tetapi sebaliknya telah pergi mengambil beg dari Yang Kena Tuduh 4 kononya atas arahan Johari sungguh pun itu bukanlah tujuan beliau pergi ke Taiping. Mengapa beg terus diletak dalam van jika, seperti diberitahu kepada SP5 bahawa Johari telah kirim beg kepada SP5, dan bukan diberi kepada SP5 di kedai kopi? Apa perlunya beliau pergi mencari Johari di Kg. Birch di rumah kedai runcit Yang Kena Tuduh 4 setelah pun berjumpa dengannya pada petang sebelum itu walhal tujuannya ke Taiping ialah untuk membeli baju panas anaknya? Setelah sampai di kedai kopi, Yang Kena Tuduh 3 enggan minum sebab hendak cepat balik. Ini adalah sungguh tidak munasabah kerana pada ketika itu beliau atau Yang Kena Tuduh 2 masih belum lagi membeli baju panas anaknya dan lagi pun beliau hanya seorang penumpang dalam van orang lain yang tidak mereka kenali dan sepatutnya tidak berhak untuk cepat balik ke Manong. Dengan demikian, pada pendapat Mahkamah, Yang Kena Tuduh 1 dan Yang Kena Tuduh 3 telah bertindak secara mereka bertindak pada pagi 21 Mac 1987 setelah dirancang bersama untuk mengedar dadah kepada SP5 dengan cara Yang Kena Tuduh 1 menanti di kedai kopi sementara Yang Kena Tuduh 3 pergi mengambil bekalan dari pembekal Yang Kena Tuduh 4. Dari

a peristiwa yang berlaku nyatalah inferens yang boleh dibuat ialah mereka telah merancang perkara ini untuk bertindak demikian dengan cara bekalan tidak disentuh oleh antara mereka berdua di hadapan pihak pembeli iaitu SP5 dan tiga orang kawannya ataupun di hadapan orang yang lain kerana mereka tidak menyedari atau *b* mengetahui bahawa kawasan berkenaan pada masa itu sedang diintip oleh tidak kurang dari dua belas anggota polis yang lain. Dengan keempat-empat orang polis di kedai kopi bersama Yang Kena Tuduh 1 jauh dari van, Yang Kena Tuduh 3 telah meletakkan bekalan dalam van *c* supaya tidak dilihat oleh mereka untuk tujuan melindungi rancangan mereka berdua mengedar dadah secara niat bersama.

Memang benar Yang Kena Tuduh 1 tidak sentuh beg yang mengandungi dadah tersebut langsung tetapi beliaulah yang telah berbincang beberapa kali dengan SP5 dan Rais mengenai bekalan *d* tersebut dan peranannya adalah untuk mengaturkan pembekalan sahaja. Tidak mungkin, tidak wajar, tidak munasabah dan tidak barangkali bahawa pada pagi 21 Mac 1987, beliau hanya menemani SP5 dan tiga orang kawannya ke Taiping di waktu subuh semata-mata atas arahan *e* Johari dan beliau hanya ke Taiping untuk bersarapan pagi bersama mereka.

Mengenai niat bersama, tidaklah perlu dibuktikan bahawa Yang Kena Tuduh 1 dan Yang Kena Tuduh 3 selalu bertemu untuk berbincang perkara ini. Mereka ada talian persaudaraan dan bukan tidak *f* kenal satu sama lain. Lagi pun Yang Kena Tuduh 3 tidak terlibat dalam perbincangan antara Yang Kena Tuduh 1 dan pihak pengintip dan pendakwa tidak akan dapat tahu tentang perjumpaan Yang Kena Tuduh 1 dan Yang Kena Tuduh 3 di masa-masa yang lain. Oleh itu inferens niat bersama perlu disimpulkan dari peristiwa yang berlaku *g* pada pagi 21 Mac 1987 tanpa penjelasan yang munasabah dari Yang Kena Tuduh 1 dan Yang Kena Tuduh 3 mengapa mereka bertindak secara mereka bertindak pada pagi itu.

Pembelaan Yang Kena Tuduh 2 hampir serupa dengan pembelaan Yang Kena Tuduh 3 tapi *h* beberapa perbezaan meletakkannya dalam kedudukan yang berlainan sedikit. Jika tidak, Mahkamah juga akan tentu sekali memberi keputusan yang sama terhadap beliau. Dalam hal Yang Kena Tuduh 2, beliau tiada jumpa Johari pada petang 20 Mac 1987 dan seterusnya Yang Kena Tuduh 1 pada petang yang sama. Ini *i* menandakan tiada apa rancangan secara awal

untuk ke Taiping pada pagi 21 Mac 1987. Beliau telah pergi ke Taiping esok hari atas ajakan suami iaitu Yang Kena Tuduh 3 untuk membeli baju panas anak. Di Pokok Assam beliau telah ikut Yang Kena Tuduh 3 ke Kg. Birch atas perintah suami. Di rumah kedai runcit Yang Kena Tuduh 4, beliau tidak masuk tapi telah masuk selepas menunggu di luar beberapa ketika.

Selepas balik ke Pokok Assam beliau telah membimbit beg dan meletaknya dalam van atas perintah suami. Selepas itu beliau tidak ke kedai kopi langsung. Yang Kena Tuduh 2 juga telah memberi percakapan hemat [B33] sehari kemudian dengan cerita yang sama. Dari perbezaan ini semua, sungguh pun Mahkamah tidak percaya cerita beliau kerana tiada sebab mengapa beliau perlu ke Kg. Birch sekali dengan Yang Kena Tuduh 3, keraguan munasabah telah timbul dan Mahkamah terpaksa memberi faedah keraguan tersebut kepada beliau. Dengan itu Mahkamah membebaskan dan melepaskan beliau dari pertuduhan.

Perlu dinyatakan di sini bahawa Peguam Yang Kena Tuduh 1 telah memohon untuk memanggil semula SP5 selepas Yang Kena Tuduh 1 telah memberi pembelaanya untuk mengemukakan diari poket, nota kontek, jurnal mata-mata gelap dan diari stesyen. Walau bagaimana pun, setelah mendengar hujah-hujah, Mahkamah telah menolak permohonan ini kerana tujuan pemanggilan semula SP5 hanyalah untuk menentukan kedudukan perjumpaan SP5 dan Yang Kena Tuduh 1 pada 9 Mac 1987 berasaskan percanggahan keterangan antara mereka berdua tentang perkara ini. Selain dari fakta SP5 tidak disoal mengenai keempat-empat dokumen ini semasa beliau memberi keretangan, Mahkamh berpendapat pemanggilan semula bukanlah cara untuk mengatasi percanggahan keterangan mengenai perjumpaan pertama pada 9 Mac 1987. Walau bagaimana pun, Mahkamah telah kemudiannya membenarkan Yang Kena Tuduh 1 memanggil Pegawai Penjaga Cawangan Anti Dadah Ipoh untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang sama dan sungguh pun beliau tidak dapat mengemukakan diari poket, nota kontek dan jurnal mata-mata gelap SP5, setesyen diari telah dikemukakam dan butiran 9 Mac 1987 menunjukkan SP5 telah pun pergi ke Kuala Kangsar pada tarikh tersebut. Pada Mahkamah, ini mencukupi untuk menyokong keterangan SP5 yang beliau berjumpa Yang Kena Tuduh 1 pertama kali pada tarikh tersebut.

Tentang Yang Kena Tuduh 1 dan Yang Kena Tuduh 3, atas sebab-sebab yang dinyatakan, Mahkamah mendapati mereka berdua bersalah dan mensabitkan mereka. Kerana tiada pilihan lain, Yang Kena Tuduh 1 dan Yang Kena Tuduh 3 telah dihukum mati.